

**SPR M'sia mundur, kata anggota misi kajian
MalaysiaKini.com
April 29, 2012
By Leven Woon**

Seorang anggota misi kajian ke atas pilihan raya Malaysia berpendapat, kemunduran Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyebabkan kelemahan demokrasi di negara ini.

Senator Pakistan itu, Mir Hasil Khan Bizenjo berkata beliau terkejut apabila mendapati Malaysia, sebagai sebuah negara moden, masih mempunyai sistem pilihan raya yang tidak membangun.

"Negara seperti Pakistan sudah memperkenalkan pengundian elektronik lama dahulu," katanya.

Katanya, timbalan pengerusi SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar memberi jawapan yang beralih ketika diajukan soalan berhubung pembaharuan proses pilihan raya oleh anggota misi berkenaan.

"SPR perlu diperbaiki. Hanya apabila institusi diperbaiki barulah demokrasi negara akan bertambah baik," katanya.

Kumpulan antarabangsa dengan tujuh anggota itu, kebanyakannya ahli politik di negara masing-masing, dijemput oleh ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menjalankan misi berkenaan untuk tempoh 25 hingga 29 April.

Kumpulan berkenaan antara lainnya menemubual setiausaha agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Mansor, menteri Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Aziz, anggota pemandu BERSIH Maria Chin Abdullah dan menteri besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/196452>

